



Perlantikan TNC (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni) UPM



Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Mohd Fauzi Ramlan.

PUTRAJAYA, 16 Mei -Kementerian Pengajian Tinggi melantik Prof. Dr. Mohd Fauzi Ramlan, 49, sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk tempoh selama tiga (3) tahun berkuat kuasa mulai 16 Mei 2010 hingga 15 Mei 2013.

Prof. Dr. Mohd Fauzi telah berkhidmat di UPM semenjak 29 April 1986 dan kemudiannya dilantik sebagai Pengarah di Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar di Kementerian Pengajian Tinggi pada 1 Oktober 2006. Beliau berkelulusan Ph.D dari University of York, United Kingdom; Master Sains dari Louisiana State University; Bachelor Sains Agronomi, Iowa State University serta Diploma Pertanian dari Universiti Pertanian Malaysia.

Sepanjang perkhidmatan di UPM, Prof. Dr. Mohd Fauzi pernah menjawat jawatan sebagai Prof. Madya di Jabatan Sains Pertanian dan juga Pengetua Kolej Kedua. Dilahirkan pada 15 Oktober 1960, beliau menganggotai Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Ahli Ganti LPU Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Selain itu, beliau dikurniakan Bintang Kebesaran Johan Setia Mahkota (J.S.M) oleh Yang Di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin pada tahun 2009.

Di antara portfolio yang akan dipegang oleh beliau adalah mengetuai dan bertanggungjawab dalam keseluruhan pentadbiran Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni serta pembangunan pelajar universiti berlandaskan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPSTN) yang merangkumi Pusat Kokurikulum, Pusat Sukan, Pusat Alumni, Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS) dan kolej-kolej kediaman UPM.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah menyifatkan perlantikan Prof. Dr. Fauzi Ramlan akan dapat mendukung matlamat universiti untuk melahirkan graduan yang berkualiti, berdaya saing serta memperkasakan pelajar UPM dengan penguasaan kemahiran insaniah yang berteraskan generic student attribute (GSA).

Beliau berkata, pengalaman Prof. Dr. Fauzi yang luas dalam pentadbiran Hal Ehwal Pelajar dan Pembangunan Pelajar di KPT boleh menyumbang idea serta membentuk perancangan strategik selari dengan matlamat dan wawasan universiti.

Berita ini disediakan oleh Bahagian Komunikasi Korporat UPM.

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia